

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 DECEMBER 2016

Guna Nabi Muhammad sebagai bahan

# Dr. Mahathir didesak mohon maaf

Um-6/12/2016

Oleh SYUKRI SHAARI  
dan AZRUL HAKIMIE  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 DIS.

**P**EMUDA UMNO Pahang mendesak bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad didesak memohon maaf kepada seluruh umat Islam di negara ini kerana menggunakan Nabi Muhammad SAW sebagai bahan jenaka ketika menghadiri Persidangan Kebangsaan DAP pada Ahad lalu.

Ketua Pemuda, **Mohd. Shahar Abdullah** menyifatkan tindakan Dr. Mahathir itu sebagai sesuatu yang sangat dangkal dan diibaratkan menggadaikan agama Islam demi kepentingan politiknya.

Menurut beliau, demi meraih tepukan serta sorakan daripada ahli-ahli DAP dan memburukkan pemimpin Islam lain termasuklah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Dr. Mahathir sanggup menggunakan nabi sebagai bahan jenaka.

“Itulah senario yang kita akan lihat sekiranya Dr. Mahathir dan sekutunya kini mengambil alih tampuk kepemimpinan negara, di mana Islam, tokoh-tokoh Islam akan dijadikan bahan gelak ketawa, hiburan mereka.

“Pemuda UMNO Pahang mendesak Dr. Mahathir memo-

hon maaf kepada seluruh umat Islam di negara ini. Perkara ini bukan sesuatu yang boleh dipandang ringan dalam usaha kita memastikan kedaulatan agama Islam tidak diceramahi,” jelas beliau.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican** pula berkata, Dr. Mahathir telah berjaya mencipta falsafah politik baharu iaitu “Mahathirian” yang bersifat sifar prinsip.

Katanya, perkara itu berikutan tindakan terbaharu Dr. Mahathir yang sanggup menghadiri Persidangan Kebangsaan DAP dan memuji kepemimpinan parti berkenaan sedangkan selama 22 tahun mentadbir negara, DAP merupakan sasaran kecaman beliau.

Beliau turut menyifatkan falsafah berkenaan jauh lebih rosak berbanding etika politik longgar



SHAHAR ABDULLAH



REEZAL MERICAN



adab dan akal budi, Machiavelian.

Reezal Merican pada masa sama mencabar kepemimpinan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang ditunjangi Dr. Mahathir sebagai pengerusinya membuat ikrar kerjasama politik bersama DAP dengan segera, sementelah keduanya saling ‘memuji’ sejak akhir-akhir ini.

“Tidak menjadi satu kejutan apabila Dr. Mahathir sudah boleh menjulang tangan Lim Kit Siang (Penasihat DAP), Lim Guan Eng (Setiausaha Agung yang belum

disahkan jawatan) dan Dr. Chen Man Hin (Pengasas DAP). Ini lambang keterdesakan politik paling tinggi.

“UMNO tidak perlu kkuatir dengan gandingan ‘2M’ (Mahathir-Man Hin) ini kerana sejarah membuktikan ‘2M’ tidak pernah menjadi. ‘Mahathir-Man Hin’ berat dengan dosa politik lampau, tidak ada generasi zaman ini yang boleh menghargai gandingan politik longgar tersebut, zaman mereka sudah jauh berlalu,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

KERATAN Utusan Malaysia semalam.